

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP)
Sidang Akademik 1995/96

Jun 1996

BOI 103/4 - BIODIVERSITI

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Bahagian A: Wajib

Bahagian B: Jawab EMPAT daripada LIMA Soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian A (WAJIB)

Soalan 1. Jawab **SEMUA** soalan yang berikut dengan menandakan (X) pada kertas jawapan yang berasingan. Cuma satu jawapan yang betul, dan sebahagian markah akan ditolak untuk jawapan yang salah.

(20 markah)

1. Menurut hirarki taksonomi, sesuatu Alam didirikan daripada beberapa Divisi untuk Plantae, manakala untuk Animalia pula, nama kumpulan yang secucuk dengan Divisi adalah:-
 - a. Famili
 - b. Filum
 - c. Kelas
 - d. Order
2. Kepelbagaiannya tertinggi pada kumpulan organisme pada Bumi adalah Insecta (serangga) dimana bilangan spesies yang telah dikenalpastikan melebihi
 - a. 200,000
 - b. 500,000
 - c. 800,000
 - d. 1,000,000
3. Menurut teori 'hanyutan benua', benua-benua pada Bumi berasal dari :
 - a. Pangaea
 - b. Gondwana
 - c. Laurasia
 - d. Gaia
4. Sistem Pengelasan 5-Alam mengandungi Alam-alam yang berikut : Animalia, Plantae, Fungi, Protista (atau Protocista), dan :
 - a. Eucaryotae
 - b. Virus
 - c. Monera
 - d. Archaeobacteria

5. Sel prokariot mempunyai ciri-ciri berikut kecuali :

- a. peptidoglikan pada dinding sel
- b. 70S ribosom
- c. 80S ribosom
- d. flagella untuk pergerakan

6. Fungi mempunyai jasad buah berseks kecuali :

- a. peritesium
- b. oospora
- c. basidiokarp
- d. sorus

7. Suatu kulat yang mempunyai dinding sel yang berselulosa, hifa sinositik dan menghasilkan spora yang berflagella dikelaskan sebagai:-

- a. Oomycetes
- b. Zygomycetes
- c. Ascomycetes
- d. Basidiomycetes

8. Virus mempunyai :

- a. DNA dan RNA
- b. DNA atau RNA
- c. dinding sel dan kapsid
- d. lemak dan karbohidrat

9. Enzim transkriptase terbalik ('reverse transcriptase') juga dikenali sebagai :

- a. DNA-kawal DNA polimerase
- b. DNA-kawal RNA polimerase
- c. RNA-kawal RNA polimerase
- d. RNA-kawal DNA polimerase

10. Pada kitar hidup tumbuhan, peringkat yang diploid ialah :

- a. ovum
- b. gametofit
- c. sporofit
- d. zoospora

11. Ciri-ciri tumbuhan Gymnosperma ialah :

- a. menghasil bunga, bijibenih dan buah
- b. menghasil kon, bijibenih dan buah
- c. tidak menghasil bunga, berbijibenih dan berbuah
- d. menghasil kon, bijibenih dan tidak menghasil buah

12. Ciri utama Angiosperma ialah mempunyai :

- a. bunga
- b. bijibenih yang terdedah
- c. daun yang berfotosintesis
- d. akar dan daun

13. Tumbuhan berikut digelar sebagai "fosil hidup" :

- a. konifer
- b. cycad / sikad
- c. hibiscus
- d. gingko

14. Contoh bunga yang dikatakan primitif ialah :

- a. bunga raya
- b. bunga cempaka
- c. bunga pisang
- d. bunga orkid

15. Tumbuhan bunga dikatakan muncul dipermukaan bumi pada masa :

- a. Cretaceous
- b. Carboniferous
- c. Silurian
- d. Pre-Cambrian

16. Bagi bunga karang, bentuk jasad yang mempunyai sistem saluran air yang paling rencam sekali ialah bentuk:

- a. sikon
- b. akson
- c. askon
- d. leukon

17. Haiwan Cnidaria yang tidak mempunyai peringkat medusa di dalam kitar hidup mereka adalah tergolong di dalam Kelas:

- a. Hydrozoa
- b. Scyphozoa
- c. Anthozoa
- d. Coelenterata

18. Haiwan yang menunjukkan simetri pentamerus didapati dalam Filum :

- a. Mollusca
- b. Arthropoda
- c. Echinodermata
- d. Annelida

19. Pembibakan Rusa Sambar (*Cervus unicolor*) dalam tawanan mencontohi usaha:

- a. pemuliharaan *in-situ*
- b. pemuliharaan *ex-situ*
- c. pemukiharaan spesies liar
- d. pemuliharaan spesies terancam

20. Menurut Norman Myers (1979), kadar kepupusan spesies pada hari ini adalah

- a. 1 spesies seminit
- b. 1 spesies sejam
- c. 1 spesies sehari
- d. 1 spesies seminggu

[BOI 103/4]

BAHAGIAN B Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

2. Pada benua Asia terdapat beberapa rantau yang menunjuk diversiti tumbuhan yang telah digunakan sebagai tanaman. Terangkan pusat asal-usul kepelbagaiannya semulajadi ini yang merupakan tumpuan perkembangan pertanian.

(20 markah)

(20 markah)

3. Antara kehidupan pada Bumi, terdapat ramai organisma yang melengkapkan kitar hidupnya dengan gabungan sistem pembiakan aseks dan berseks. Dengan menggunakan contoh yang sesuai, bincangkan kepentingkan perkembangan biologi ini dari segi teori evolusi.

(20 markah)

4. Bincangkan haluan evolusi kearah tabiat berbiji-benih pada tumbuhan.

(20 markah)

5. Kita boleh menggolongkan haiwan yang menjajahi ekosistem terumbu karang ke dalam beberapa Filum taksonomi :

- (a) Namakan SATU (1) Filum yang berkenaan.
(b) Senaraikan ciri-ciri zoologi am haiwan di dalam Filum tersebut
(c) Nyatakan kepentingan ekonomi golongan haiwan ini.

(20 markah)

6. Tuliskan nota tentang DUA (2) dari tajuk yang berikut :

- i. Perbezaan antara sistem taksonomi semulajadi dengan taksonomi barangka.
- ii. Penyelangan generasi -- evolusi kedominanan fasa sporofit pada tumbuhan daratan.
- iii. EMPAT (4) famili tumbuhan yang unik kepada flora di Malaysia.
- iv. Peranan satu taman negara di Malaysia.

(20 markah)

- oooOooo -